

JENIS PENDAFTARAN

Terdapat 2 jenis pendaftaran kes mal yang boleh didaftarkan di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang iaitu :

- i. TUNTUTAN
- ii. PERMOHONAN

TUNTUTAN ialah setiap tindakan atau prosiding kes mal yang dimulakan dengan saman dan pernyataan tuntutan.

PERMOHONAN ialah setiap tindakan atau prosiding kes mal yang dimulakan dengan notis permohonan dan affidavit

HUBUNGI KAMI



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

NO 3, JALAN BATU GANTUNG, 10450
GEORGETOWN, PULAU PINANG.
NO TELEFON : 04-830 7777
LAMAN WEB : jksnpp.penang.gov.my
EMEL : jksnpp@esyariah.gov.my



PANDUAN PENDAFTARAN KES MAL



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG





SENARAI KES YANG DIMULAKAN DENGAN PERMOHONAN

Kes-kes yang berikut hendaklah dimulakan dengan notis permohonan dan affidavit iaitu :

- Faraid;
- Nikah bawah umur;
- Wali Raja;
- Pengesahan nikah dan poligami tanpa kebenaran;
- Anggapan kematian;
- Pelantikan penjaga harta seseorang yang belum dewasa;
- Perintah bagi penjagaan bersama harta seseorang yang belum dewasa;
- Perintah bagi pengubahan kuasa penjaga harta seseorang yang belum dewasa;
- Perintah bagi pemecatan penjaga harta seseorang yang belum dewasa;
- Kebenaran bagi pelupusan harta seseorang yang belum dewasa;
- Kebenaran untuk menyara seseorang yang belum dewasa daripada pendapatan hartanya;
- Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara harta seseorang yang belum dewasa;

- Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang yang belum dewasa;
- injunksi yg menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia;
- Perintah untuk mengeneipkan dan injunksi yang menghalang pelupusan harta untuk menghalang tuntutan nafkah;
- Injunksi terhadap perkosaan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau isteri; dan
- Pengesahan pengakuterimaan paterniti oleh perempuan 'iddah (pembahagian harta pusaka).

SENARAI KES YANG DIMULAKAN DENGAN SAMAN

Semua jenis kes selain daripada yang disenaraikan di atas, tindakan atau prosidingnya hendaklah dimulakan dengan saman dan pernyataan tuntutan kecuali dinyatakan sebaliknya oleh undang-undang. Antara tuntutan :

- Perceraian;
- Pengesahan lafaz cerai;
- Pengesahan wakaf;
- Pengesahan nazar;
- Gantirugi pertunangan;
- Fasakh;
- Perceraian ta'liq;
- Mut'ah;
- Harta sepencarian;
- Nafkah isteri;
- Nafkah kepada pihak tak upaya;
- Cagaran nafkah;
- Mengubah perintah nafkah;
- Nafkah anak;
- Tunggakan nafkah;
- Mengubah perjanjian hak jagaan anak/nafkah anak;
- Hadhanah;
- Ganishmen/ Hiwalah; dan
- Penghutang penghakiman.

PROSEDUR PENDAFTARAN

- i. Setiap pendaftaran kes hendaklah diserahkan sendiri oleh pemohon atau wakilnya kepada Pendaftar;
- ii. Setiap dokumen pendaftaran kes hendaklah dikemukakan dalam 3 salinan;
- iii. Pendaftaran yang lengkap dan mengikut undang-undang sahaja yang akan diterima;
- iv. Pendaftaran kes jenis permohonan hendaklah disertakan :
 - a . Notis permohonan;
 - b . Affidavit
 - c . Ekshibit-ekshibit (Salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil nikah dan lain - lain)
 - d . Fi secukupnya;
 - e . Wakalah dan sijil peguam syarie bagi yang menggunakan khidmat peguam syarie;
 - f . Surat rujukan daripada Pendaftar nikah, cerai dan rujuk daerah kepada hakim syarie bagi permohonan wali raja/perkahwinan bawah umur/ pengesahan nikah/rujuk dan pengesahan janda yang tidak disetubuhi (berhias).
- v. Pendaftaran kes, jenis tuntutan hendaklah disertakan :
 - a . Saman;
 - b . Pernyataan Tuntutan;
 - c . Ikatan Dokumen (jika berkaitan);
 - d . Fi secukupnya; dan
 - e . Wakalah dan sijil peguam syarie bagi yang menggunakan khidmat peguam syarie.

SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KES MAL

- i. Semua orang Islam yang berkahwin secara sah mengikut hukum syarak dan bermastautin di dalam Negeri Pulau Pinang boleh mendaftarkan permohonan atau tuntutan di mana - mana Mahkamah Syariah.
- ii. **Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) :**
 - a. Kes mal yang nilaiuntutannya RM100,000.00 ke atas;